

Representasi Kata Ekonomi Dalam Teks Politik Titah

Nurul Asyiqin Azli, *Badriyah Yusof

Malay Studies, Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link,
Brunei Darussalam. Postal code: BE1410

*Corresponding Author e-mail: badriyah.yusof@ubd.edu.bn

Received: September 2023; Revised: October 2023; Published: November 2023

Abstrak

Makalah ini melihat bagaimana kata 'ekonomi' direpresentasikan dalam teks politik titah Istiadat Pembukaan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Brunei Darussalam dari tahun 2009 hingga 2022. Dengan menggunakan pendekatan wacana historis, makalah ini memanfaatkan analisis strategi diskursif untuk melihat hubungan antara leksikal ekonomi dengan situasi perekonomian dan kewangan negara dan global, perspektif serta tindakan masyarakat, dan kepentingannya sebagai instrumen yang menentukan hala tuju serta keberkesanan urus tadbir negara. Dapatan menunjukkan bahawa kata 'ekonomi' digunakan secara konsisten di dalam set data yang digunakan dalam bentuk agensi atau pelaku sosial, objek, fenomena atau peristiwa, dan proses termasuk tindakan. Dapatan juga menunjukkan bahawa 'ekonomi' direpresentasikan dalam bentuk yang positif dan negatif -- sama ada untuk memberi keyakinan kepada masyarakat mahupun gambaran menyeluruh agar sebarang tindakan sosial yang dijalankan sesuai dengan gagasan yang dihasratkan. Kajian ini diharapkan dapat memberikan perspektif dan metodologi alternatif terhadap kajian sedia ada khususnya yang melibatkan ekonomi dan teks politik di Brunei Darussalam. Ia juga diharap agar dapat menjadi kajian asas yang boleh dikembangkan sebagai penyelidikan lanjutan di masa akan datang.

Kata Kunci: teks politik; titah; ekonomi; pengajian wacana kritis; Brunei; strategi diskursif

Representation of Economy in Political Speech Titah

Abstract

This study examines the representation of the word 'economy' in the political text titah of the Opening Ceremony of the National Assembly (MMN) of Brunei Darussalam from 2009 to 2022. Using a historical discourse approach, this paper analyzes the discursive strategies employed to understand the relationship between economic lexical items and the economic situation, national and global finance, society's perspective and actions, and its importance in determining the direction and effectiveness of national governance. The findings indicate that the word 'economy' is consistently used in the data set in the form of social agencies or actors, objects, phenomena or events, as well as processes and actions. It also reveals that 'economy' is represented in both positive and negative forms to instill confidence in the community or provide a comprehensive picture to ensure that any social action carried out is in line with the intended idea. This study provides an alternative perspective and methodology to the existing literature, specifically those concerning economics and political texts in Brunei Darussalam. It is expected to be a valuable resource for further research and contribute to the development of related studies in this area.

Keywords: *political text; titah; economy; critical discourse studies; Brunei; discursive strategies*

How to Cite Azli, N. A., & Yusof, B. (2023). Representasi Kata Ekonomi Dalam Teks Politik Titah. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 1(1), 69-78. <https://doi.org/10.36312/ijlic.v1i1.1608>



<https://doi.org/10.36312/ijlic.v1i1.1608>

Copyright© 2023, Azli & Yusof.

This is an open-access article under the [CC-BY-SA](https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/) License.



INTRODUCTION

Dalam buku *Representation: Cultural representations and signifying practices*, representasi atau representation diertikan sebagai "using language to say something meaningful about, or to represent, the world meaningfully, to other people" (Hall, 1997: 15). Manakala menurut Fairclough (1995), representasi merujuk kepada bagaimana bahasa digunakan dalam teks untuk memberikan makna kepada orang, kumpulan sosial, objek atau peristiwa. Kedua-dua definisi ini menekankan hubungan bahasa dalam teks dan fungsinya sebagai elemen yang bukan saja dibentuk tetapi juga membentuk konteks yang melingkunginya. Dari sudut pandang pengajian wacana kritis yang umumnya melibatkan analisis interaksi sosial melalui bentuk linguistik, atau sebahagiannya (Wodak & Fairclough, 1997), aspek bahasa boleh diteliti pada peringkat meso dan mikro wacana. Pada peringkat meso, bahasa mendasari praktik diskursif yang bukan saja membantu dalam mencirikan wacana yang dibincangkan secara empiris tetapi juga dalam memahami hubungannya dengan praktik sosial yang direpresentasikan terutama sekali menerusi penghasilan, penyampaian mahupun penyebarannya kepada umum. Pada masa yang sama, bahasa juga membentuk representasi linguistik di peringkat mikro dalam bentuk leksikal, morfosintaksis mahupun satuan makna lainnya. Dalam ertikata lain, analisis kebahasaan ini memanfaatkan elemen intrinsik linguistik dan fungsinya dalam kerangka tatabahasa, konteks dan perspektif daripada pelbagai bidang seperti komunikasi, budaya, pendidikan dan politik.

Dalam memperlihatkan lingkungan sosial yang mempengaruhi praktik diskursif dalam teks titah, makalah ini akan membincangkan aspek ekonomi dari sudut pandang institusi kerajaan Brunei menerusi inisiatif Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang (2007 – 2035) yang disampaikan pada titah Istiadat Pembukaan Majlis Mesyuarat Negara. Majlis Mesyuarat Negara atau Legislative Council (selepas ini MMN) merupakan institusi politik yang secara rasmi telah diwujudkan semula oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 2 September 2005 setelah pindaan baru Perlembagaan 1959 dimasyhurkan. MMN merupakan gelanggang atau platform bagi rakyat, menerusi wakil yang dilantik, mengutarakan buah fikiran dan idea – idea baru bagi kepentingan bersama. Dari segi visi, MMN bersedia menghadapi cabaran kontemporari dan responsif dalam meningkatkan perkhidmatan ke arah lebih efisien dan inovatif manakala misi MMN adalah untuk memberikan perkhidmatan yang baik dalam pengendalian Majlis Mesyuarat Di-Raja, Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Majlis Mesyuarat (Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat, n.d.) selaras dengan aspirasi KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan pada titah yang disampaikan pada Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara 2006,

"Majlis Mesyuarat Negara adalah seperti Majlis-majlis Mesyuarat yang lain juga. Ia berperanan sebagai badan penasihat kepada beta dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan kepentingan rakyat dan negara. Pandangan atau buah fikiran yang diberikan oleh ahli- ahli adalah secara 'constructive' untuk mencapai 'consensus.'"

Dalam setiap Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara, titah istiadat pembukaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien akan menekankan kepentingan Majlis Mesyuarat Negara sebagai wadah strategik yang membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan negara merangkumi hal ehwal kebajikan rakyat dan sosioekonomi. Dalam hal ini, ekonomi merupakan salah satu agenda utama yang dibincangkan selaras dengan kedudukannya sebagai matlamat ketiga Wawasan Brunei Darussalam 2035 iaitu untuk mencapai 'ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan' meliputi pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan berdayatahan, kepelbagaian ekonomi, tahap pengangguran yang rendah dan kestabilan ekonomi (Wawasan 2035, 2020). Selain itu, aspek ini juga turut membincangkan aktiviti - aktiviti ekonomi lainnya termasuk krisis ekonomi secara global, aktiviti pelaburan asing, pengangguran, pendapatan negara dan keluaran dalam negara kasar atau KDNK. Perbincangan atau usul ini selalunya akan direalisasikan ke dalam bentuk inisiatif atau aktiviti perekonomian di semua peringkat dalam kerangka urus tadbir yang lebih luas dan menyeluruh menerusi pendekatan senegara atau Whole Nation Approach.

Dalam konteks sosiopolitik dan sosiobudaya Brunei, titah merupakan perkataan atau percakapan yang merujuk kepada Sultan atau Raja Isteri iaitu kata - kata atau maksud - maksud yang dicakapkan oleh kedua-dua Baginda (Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 2001: 521). Titah juga didefinisikan sebagai wacana politik yang berbentuk teks imperial yang disampaikan secara verbal oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan kepada institusi dan rakyat Brunei Darussalam, dan masyarakat sarwajagat (Badriyah Yusof, 2015). Wacana ini memperlihatkan bukan saja sumber, ranah dan aplikasi kuasa tetapi juga hubungan kuasa antara pemegang dan pemain kuasa. Selain itu, ia juga dilihat sebagai praktik sosiopolitik yang mendasari sebarang tindakan sosial selain menentukan dan ditentukan tindakan diskursif dan manifestasi linguistik di dalam teks. Dari segi fungsi komunikatif, titah merupakan wadah bagi menyalurkan mesej tertentu menerusi kuasa eksekutif tertinggi agar ia dapat diterima dan diguna pakai penduduk secara menyeluruh dan efektif (Arsul Hj Abd Momin, 2012).

Dalam kerangka pengajian wacana kritis, penghasilan, penyampaian dan penyebaran titah itu sendiri merupakan praktik diskursif yang menghubungkan praktik sosial (dalam hal ini gagasan serta inisiatif berkaitan ekonomi) dengan sebarang bentuk representasi linguistik yang terkandung di dalam teks politik berkenaan. Kata ekonomi misalnya boleh diteliti bukan saja dari segi makna leksikalnya tetapi juga menerusi fungsinya sebagai elemen yang membentuk satuan sintagmatik. Oleh itu tidak hairanlah jika terdapat banyak kajian berkenaan analisis teks politik dari lensa linguistik dijalankan meliputi aspek bahasa pemujukan atau retorik, intertekstualiti dan interdiskursiviti, representasi, genre dan selainnya. Walau bagaimanapun, kajian kebahasaan ini masih mempunyai lowongan khususnya dalam konteks sosiopolitik Brunei dan genre teks titah itu sendiri. Sehubungan itu, makalah ini akan merungkai bagaimanakah kata 'ekonomi' direpresentasikan selaku praktik diskursif dalam Titah Istiadat Pembukaan MMN 2009 - 2022 berdasarkan model strategi diskursif Wacana Historis. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengetahuan sedia ada mengenai peranan dan kepentingan ilmu kebahasaan dalam memahami satu-satu praktik sosial sesuai dengan konteks latar belakang budaya,

politik dan masyarakat yang mendasarinya. Di samping itu ia juga boleh digunakan sebagai maklumat asas untuk memperbaiki proses pewahanaan kepada masyarakat umum sekaligus memberi kesedaran kepada rakyat dalam memainkan peranan penting ekonomi di negara. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sandaran dan asas untuk kajian lanjutan terutama sekali dari aspek metodologi di masa akan datang.

KAJIAN LEPAS

Dalam 'Ciri Wacana Politik Dalam Teks Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1984' oleh Badriyah Yusof (2022) kajian ini melihat kepada wacana politik daripada segi ciri - cirinya dengan menggunakan kerangka analisis Kenzhekanova (2015). Berdasarkan hasil kajian, ciri - ciri ini meliputi imej penutur, aspek penerima, isi kandungan, niat, pengukuran, konvensionaliti, kadar emotif, modaliti, intertekstualiti, konteks sosial, bentuk dan cara komunikasi, watak ideologis penutur, kebolehan agonistik dan kelangsangan penutur, serta elemen teatricaliti. Dalam Teks Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1984, pelaku sosial utama ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dari aspek penerima atau audiens, merangkumi rakyat dan audiens antarabangsa manakala isi kandungan meliputi perkembangan politik, memiliki kepentingan nasional, serta bertepatan dengan konteks masyarakat di negara ini. Melalui konteks sosial, konteks merangkumi norma, sejarah dan budaya yang mendasari ideologi atau pemikiran para masyarakat.

Seterusnya dalam kajian yang dilakukan oleh Fawwaz Mazlan dan Badriyah Yusof (2019) bertajuk 'Intertekstualiti dalam Titah: Evolusi Konsep Negara Zikir di Negara Brunei Darussalam' meneliti bentuk intertekstualiti yang berbentuk simplistik dan langsung iaitu dengan melihat peluasan semantik konsep *Negara Zikir* dizahirkan secara berkesinambungan di dalam rentetan koleksi Titah KDYMM di dalam Pelita Brunei sepanjang tahun 2009. Berdasarkan hasil kajian, proses perluasan makna zikir bukan sahaja merangkumi konsep malah fungsinya sebagai teras gagasan untuk membangun negara yang mencakupi bidang pertanian, media, pendidikan dan implimentasi dasar secara keseluruhannya. Selain itu, kajian 'Aplikasi Analisis Wacana Kritis Dalam Wacana Brunei-Britain (BR-UK) 1847-1984: Satu Pengenalan Ringkas' oleh Badriyah Yusof (Badriyah Yusof, 2018) meneliti hubungan Brunei dan Britain dengan menggunakan pendekatan wacana historis dengan proses analisis menggunakan sistem triangulasi daripada tiga tatatingkat utama iaitu makro, meso dan mikro.

Dayangku Nasibahanim (2011) dalam latihan penyelidikan beliau yang bertajuk 'Bahasa Retorik dalam Petikan Titah' melihat kepada ciri - ciri umum dan linguistik dalam titah, perbezaan titah pra-merdeka dan pasca-merdeka, dan mengetahui jenis - jenis ayat dan cabang utama pidato retorik klasik dalam petikan titah. Hasil kajian beliau mendapati bahawa salah satu ciri umum titah adalah ciri - ciri perkembangan semasa dan ciri audiens. Ciri perkembangan semasa meliputi isu - isu yang dibincangkan dalam titah iaitu hal-ehwal dalam negara mahupun luar negara sama ada dari segi ekonomi, politik, sosial dan sebagainya manakala audiens terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat yang tinggal atau bermastautin di Negara Brunei Darussalam. Dari segi retorik dalam titah, terdapat kata - kata modaliti iaitu

perlu, mesti, hendak, harap dan yakin digunakan untuk menunjukkan perintah dan kuasa.

Seterusnya, teks titah juga diteliti melalui laras bahasa yang dikaji oleh Ak Arsul (2012) dalam latihan penyelidikan 'Laras Bahasa Teks Titah: Satu Tinjauan Praktik'. Penyelidikan ini mengenal pasti ciri - ciri linguistik dan unsur - unsur yang menandai laras bahasa teks titah. Berdasarkan penyelidikan beliau, ciri - ciri laras bahasa teks titah memang wujud dan dilihat dari sudut kata pinjaman, bahasa dalam, istilah khusus, bahasa retorik dan bahasa kiasan.

Seterusnya kajian lepas yang meliputi pemimpin - pemimpin dari luar negara dan kajian ini digunakan untuk meneliti pengucapan daripada pemimpin tersebut dari sudut analisis wacana kritis.

Dalam kajian 'Bahasa dan Kepimpinan: Pengkhalayakan Wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad' yang dikaji oleh Idris Aman (2004) menumpukan kepada hubungan dialektikal antara bahasa dengan kepimpinan dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis. Melalui analisis kajian, praktik kepimpinan Perdana Menteri Dato Seri Dr Mahathir Mohamad di dalam perutusan tahun barunya ialah kepimpinan orientasi khalayak yang mengutamakan atau memperkatakan rakyat yang menjadi sasaran khalayaknya dalam pelaksanaan fungsi interpersonal, tekstual, dan ideasional wacananya. Melalui dimensi amalan wacana, praktis beliau diteliti oleh cara proses penghasilan dan penyebaran, interdiskursiviti dan intertekstualiti manakala daripada analisis dimensi ciri tekstual, praktik kepimpinan beliau dibayangkan oleh pemanfaatan kata alternatif. Dato' Seri Dr Mahathir adalah pelaku sosial yang aktif dalam penghasilan wacananya. Dari aspek interdiskursiviti, perutusan dihasilkan bersama beberapa jenis wacana lain, iaitu laporan, penerangan, hujahan dan ekspresi.

Seterusnya dalam makalah 'Analisis Wacana Politik Joko Widodo Saat Pemilihan Presiden 2014' oleh Kholila (2015) meneliti kepada penggunaan diksi dan gaya bahasa Jokowi. Berdasarkan analisis penyelidikan, Jokowi menggunakan diksi denotatif dan konotatif. Selain itu, gaya bahasa retorik dan kiasan juga digunakan oleh Jokowi sewaktu pemilihan Presiden pada tahun 2014.

METODOLOGI


Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memanfaatkan sistem triangulasi iaitu meneliti tiga tatatingkat utama iaitu secara makro, meso dan mikro. Data kajian yang digunakan ialah titah Istiadat Pembukaan MMN 2009 hingga 2022 dan pemilihan tahun ini berdasarkan praktikaliti, iaitu hanya 10 tahun kebelakangan sahaja dikaji. Seterusnya data kajian diperolehi daripada laman sesawang Jabatan Perdana Menteri <https://www.pmo.gov.bn/> dalam Titah View (Jabatan Perdana Menteri, n.d.). Data kajian dianalisis menggunakan carta mentah, software AntConc 3.5.9 dan strategi diskursif Pendekatan Wacana Historis. Pendekatan ini lazimnya digunakan untuk penyelidikan yang bersifat kronologi dan pemilihan data analisis dan konteks dibincangkan dalam jangka masa yang dipilih. Selain daripada itu PWH adalah untuk meneliti bagaimana dimensi sosial mempengaruhi realiti sesebuah wacana dan digunakan untuk dokumen politik dan institusi terutamanya yang mempunyai sosial dan kepentingan sejarah. Ia juga meneliti hubungan intertekstualiti dan interdiskursif dalam teks. Strategi diskursif yang diperkenalkan oleh Wodak

memiliki lima strategi iaitu nominatif (nomination), predikatif (predication), argumentatif (argumentation), perspektivisasi (perspectivization), dan intensifikasi (intensification) serta mitigasi (mitigation).

- i. Nominasi (nomination) merujuk kepada konstruksi diskursif agensi, objek, fenomena atau peristiwa dan proses atau tindakan. Sebagai contohnya, strategi ini melihat kata kerja dan nama untuk menandakan proses dan tindakan.
- ii. Predikasi (predication) merujuk kepada kualifikasi diskursif agensi, objek, fenomena atau peristiwa dan proses atau tindakan. Contohnya, sesuatu yang bersifat positif atau negatif.
- iii. Representasi wacana (perspectivization) merujuk kepada memperlihatkan sudut pandang penutur dan penglibatannya. Contohnya, ini boleh dilihat dari segi metafora iaitu kiasan .
- iv. Penghujahan (argumentation) dengan menggunakan topoi dan fallacies. Intensifikasi dan mitigasi (intensification & mitigation) iaitu mengubah ilokusi dengan menggunakan penghujahan, soalan - soalan, litotes, hiperbola dan sebagainya.

RESULTS AND DISCUSSION

Berdasarkan analisis, kata 'ekonomi' disebut secara konsisten di kesemua Titah Istiadat Pembukaan MMN (Rajah 1). Sebahagian besar daripada titah ini menggunakan strategi nominasi sama ada menerusi pengaktifannya sebagai agensi atau pelaku sosial atau social actors, objek, fenomena atau peristiwa dan proses atau tindakan.



Rajah 1. Taburan kata 'ekonomi' dalam titah MMN (2009-2022)

Ekonomi sebagai agensi atau pelaku sosial

Dalam titah yang dianalisis, kata ekonomi direpresentasikan secara aktif menerusi kedudukannya dalam satuan frasa nama 'Kementerian Kewangan dan Ekonomi,' dan 'Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik.' Dalam hal ini, kata

ekonomi dizahirkan secara berkolokasi dengan kata 'kewangan' dalam bentuk nominatif. Satuan sintagmatik ini bukan saja menandakan hubungan erat antara sistem kewangan (merangkumi perbankan dan pelaburan) dengan aktiviti perekonomian (meliputi pasaran, taburan sumber serta instrumen yang mengawalinya) tetapi juga mengukuhkan kepentingan bidang ini dalam urusan tadbir dan pembangunan negara. Beberapa contoh berikut memperlihatkan bagaimana frasa 'Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik' dan 'Kementerian Kewangan dan Ekonomi' direpresentasikan secara aktif dan pasif untuk memperlihatkan peranannya sebagai bada yang melakukan frasa kerja progresif 'sedang aktif melaksanakan tindakan pemantauan harga' (1) dan memperkenalkan 'beberapa projek di bawah Fiscal Consolidation Programme' (2).

1. **Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik** di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang aktif melaksanakan tindakan pemantauan harga, sebagai langkah memastikan peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga barangan pada paras yang tidak dibenarkan.' (T: 2022)
2. Namun beberapa projek di bawah Fiscal Consolidation Programme yang diperkenalkan oleh **Kementerian Kewangan dan Ekonomi** sejak Tahun Kewangan 2018/2019 telah mula menampakkan hasil.' (T: 2021)

Ekonomi sebagai Objek

Selain mengambil bentuk agensi atau pelaku sosial, kata ekonomi juga direpresentasikan sebagai objek yang bertindak sama ada selaku alat bagi mencapai satu-satu tujuan, ataupun tujuan utama secara keseluruhannya. Dalam titah yang dianalisis, kata ekonomi ini berperanan sebagai penyambut tepat kepada kata kerja sebelumnya dan mengikuti kata kerja transitif 'mengembangkan,' 'mengukuhkan,' 'mempelbagaikan,' 'memperkasa,' 'menjana,' 'meramalkan' dan 'menjejaskan.' Beberapa contoh bagi memperlihatkan representasi ini diperturunkan seperti berikut untuk merujuk kepada kepentingan ekonomi sebagai instrumen utama untuk 'mengurangkan kebergantungan ini' (3), tujuan utama atau hasrat kerajaan dengan cara 'meneruskan dan melipatgandakan lagi usaha-usaha' menerusi perjanjian dengan pelaburan asing dan SME bagi memastikan ekonomi negara sentiasa dalam keadaan stabil dan kukuh seperti (4), dan penegasan agar negara terus aktif untuk 'mempelbagaikan ekonominya' selain bergantung kepada hasil minyak dan gas negara (5).

3. Namun usaha-usaha **mengembangkan ekonomi** bagi mengurangkan kebergantungan ini, telahpun mula menampakkan hasilnya, berupa jumlah export Refined Fuel melalui projek Pelaburan Langsung Asing dari bulan Januari 2021 hingga November 2021 bernilai USD 4.9 bilion. (T: 2022)
4. Dengan sebab inilah, Kerajaan Beta berhasrat untuk meneruskan dan melipatgandakan lagi usaha-usaha **mengukuhkan ekonomi dan pertumbuhannya**. (T: 2013)
5. Sebagai sebuah negara yang masih bergantung kepada hasil minyak dan gas, Negara Brunei Darussalam perlu terus aktif **mempelbagaikan ekonominya**. (T: 2018)

Ekonomi sebagai fenomena atau peristiwa

Selain itu, ekonomi juga direpresentasikan sebagai fenomena atau peristiwa yang memberikan gambaran kepada masyarakat agar mereka memahami dan bertindak sesuai dengan apa yang dipaparkan. Dalam hal ini, kata ekonomi direpresentasikan sebagai fenomena yang memberikan gambaran positif dan negatif menggunakan strategi nominatif dan predikatif. Dalam konteks positif misalnya, kata ekonomi dizahirkan beserta kolokasi kata nama 'pertumbuhan,' bagi menggambarkan keadaan ekonomi yang sedang berkembang menerusi peningkatan kapasiti, pembangunan infrastruktur dan kepelbagaian aktiviti perekonomian (6), 'kelangsungan' bagi menerangkan keadaan ekonomi yang memerlukan rangsangan produktiviti dan kedayatahanan di semua peringkat bagi membantu meningkatkan keluaran dalam negara kasar (KDNK) dan taraf hidup rakyat (7), dan 'kestabilan' bagi merujuk kepada kepentingan ekonomi di peringkat makro merangkumi isu pengangguran, inflasi, pendapatan negara, produk domestik dan seumpamanya (8).

6. Kemampuan kita bertahan adalah ditolong oleh dasar dan sikap berbelanja negara secara berhemah, ditambah lagi dengan kegiatan dan **pertumbuhan ekonomi** kita tidak bergantung kepada hutang (leverage). (T: 2009)
7. Untuk **kelangsungan ekonomi** dan kewangan, kita juga perlu meningkatkan produktiviti, yang bersinonim dengan peningkatan kapasiti. (T: 2011)
8. Tetapi dengan adanya amalan berhemah dan usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi, maka insya Allah kita akan dapat mengukuhkan **kestabilan makroekonomi** dan kedudukan kewangan negara. (T: 2020)

Manakala dalam konteks negatif, kata ekonomi direpresentasikan secara nominatif sebagai keadaan yang tidak stabil meskipun disertai beberapa perkembangan positif seperti peningkatan harga minyak dunia (9) dan kadar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan di samping pembaharuan dari segi penyediaan infrastruktur (10). Selain itu, kata ekonomi juga direpresentasikan secara predikatif menerusi penyertaan atribusi sifat negatif seperti kata 'krisis' yang turut diperjelaskan menerusi ayat 'Krisis itu merambat ke seluruh jagat tanpa memilih-milih ... dianggap paling parah sejak kemelesetan dunia 80 tahun yang lampau' dalam perenggan yang sama (11), dan 'pergolakan' yang mempunyai implikasi tidak stabil dan membimbangkan seperti yang disebutkan menerusi klausa relatif 'yang dikhuatiri mungkin dapat menjejaskan kehidupan rakyat dan penduduk' juga pada perenggan yang sama (12).

9. Kita semua sudah maklum, bahawa **keadaan ekonomi** dunia terus mengalami ketidaktentuan, walaupun pada akhir-akhir ini harga minyak dunia menunjukkan tanda-tanda positif. (T: 2017)
10. **Situasi ekonomi dunia** pada hari ini didapati sebagai tidak menentu. Namun alhamdulillah, negara kita masih saja mampu untuk mencatatkan kadar pertumbuhan yang menggalakkan, disamping juga dapat menikmati beberapa pembaharuan di segi infrastruktur mahupun yang berbentuk dasar. (T: 2020)

11. Di antara ujian berat itu ialah **krisis ekonomi global** yang melanda dunia hari ini. Krisis itu merambat ke seluruh jagat tanpa memilih-milih. Ia dianggap paling parah sejak kemelesetan dunia 80 tahun yang lampau, di sekitar tahun-tahun 1927 dan 1929. (T: 2009)
12. Lebih-lebih lagi sejak lima tahun kebelakangan ini, dunia kita terus dibayangi oleh **pergolakan ekonomi global** yang dikhuatiri mungkin dapat menjejaskan kehidupan rakyat dan penduduk ... (T: 2013)

Ekonomi sebagai proses atau tindakan

Akhir sekali, kata ekonomi juga direpresentasikan sebagai proses atau tindakan (*process or actions*). Menerusi contoh (13) misalnya, ekonomi digambarkan sebagai entiti yang melakukan aksi 'bergerak' menuju kepada 'kepelbagaian ekonomi.' Aksi ini juga disertai kata keterangan 'sedang' yang membawa makna progresif dan hala tuju. Dalam hal ini, penggunaan kata ekonomi dalam bentuk figuratif ini bertujuan untuk memberikan impak yang positif kepada audiens berupa keadaan ekonomi yang berkembang dan tidak statik, serta usaha kerajaan yang sentiasa responsif dan proaktif dalam mengurus tadbir negara.

13. Ditambah lagi **ekonomi kita juga sedang bergerak** kepada kepelbagaian ekonomi serta tidak lagi terlalu bergantung kepada hasil minyak dan gas yang kita lihat sebagai antara objektif asas wawasan negara. (T: 2010)

KESIMPULAN

Kesimpulannya, makalah ini telah membincangkan secara ringkas tentang bagaimana kajian kebahasaan khususnya leksikal ekonomi dapat digunakan untuk merungkai kepentingan ekonomi dalam sesebuah masyarakat menerusi kerangka praktik diskursif pengajian wacana kritis. Menerusi kajian yang dijalankan, ekonomi tidak hanya diartikulasikan sebagai elemen yang mempunyai legitimasi serta kepentingan yang tersendiri tetapi juga sebagai instrumen utama dalam merangka pembangunan negara dan membentuk pemikiran masyarakat. Selain itu, penggunaan strategi nominasi dan predikasi dalam teks titah juga mengukuhkan penggunaan gaya bahasa dan unsur retorik yang lazim terdapat pada teks persuasif seperti teks politik.

SARANAN

Sebagai penutup, kajian ini diharap dapat memberikan sudut pandang alternatif kepada kajian sedia ada khususnya dalam memberi kesedaran kepada masyarakat tentang peranan bahasa dalam membentuk persepsi berkaitan ekonomi dan pembangunan negara. Selain itu, ia juga diharap dapat menjadi asas kepada kajian lanjutan sama ada dalam bidang kebahasaan mahupun selainnya di masa akan datang.

Sumbangan penulis

Penulis Nurul Asyiqin Azli: NA; Badriyah Yusof: BY "Konseptualisasi, NA dan BY; metodologi, NA dan BY; sumber data, NA; analisis dan perbincangan, NA dan BY; penulisan draf awal, NA; editorial, BY."

Biaya

Kajian ini tidak menerima sebarang biaya.

Percanggahan kepentingan

Para penulis tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dalam penghasilan makalah ini.

RUJUKAN

- Arsul Hj Abd Momin. (2012). *Laras Bahasa Teks Titah: Satu Tinjauan Praktik* [Latihan Ilmiah]. Universiti Brunei Darussalam.
- Badriyah Yusof. (2015). Translating ideology: A case of mediated political discourse in Brunei. . *International Journal of Technical Research and Applications*, 15, 52–55.
- Badriyah Yusof. (2018). Aplikasi Analisis Wacana Kritis Dalam Wacana Brunei-Britain (Br-UK) 1847-1984: Satu Pengenalan Ringkas. *Rampak Serantau*, 25.
- Badriyah Yusof. (2022). Ciri Wacana Politik dalam Teks Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam 1984. *Rampak Serantau*, 28, 31–58.
- Dayangku Nasibahnim binti Pengiran Haji Bakar. (2011). *Bahasa Retorik Dalam Petikan Titah* [Latihan Penyelidikan]. Universiti Brunei Darussalam.
- Fairclough, N. (1995). *Critical Discourse Analysis: Papers in the Critical Study of Language*. Longman.
- Fawwaz Mazlan, & Badriyah Yusof. (2019). Intertekstualiti dalam Titah: Evolusi Konsep Negara Zikir di Negara Brunei Darussalam . *Rampak Serantau*, 26.
- Hall, S. (1997). The Work of Representation. In Stuart Hall (Ed.), *Representation: Cultural Representations and Signifying Practices*. SAGE Publications.
- Idris Aman. (2004). Bahasa dan kepimpinan: pengkhalayakan wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. *AKADEMIKA*, 3–25.
- Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat. (n.d.). *Visi, Misi dan Fungsi Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat*. Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Perdana Menteri. (n.d.). *Titah*. Jabatan Perdana Menteri. Retrieved November 29, 2023, from <https://www.jpm.gov.bn/SitePages/Titah-View.aspx>
- Kenzhekanova, K. K. (2015). Linguistic Features of Political Discourse. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. <https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n6s2p192>
- Kholila. (2015). Analisis Wacana Politik Joko Widodo Saat Pemilihan Presiden 2014. *Publika Budaya*, 1(1), 1–16.
- Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri. (2001). *Tarsilah Brunei Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Pusat Sejarah Brunei.
- Wawasan 2035. (2020). *Wawasan Brunei 2035*. Prime Ministers Office.
- Wodak, R., & Fairclough, N. (1997). Critical Discourse Analysis. In T. A. van Dijk (Ed.), *Discourse as Social Interaction* (pp. 258–284). SAGE. <https://doi.org/10.4324/9780203809068>